

## Tahap Daya Saing Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Semenanjung Malaysia (The Competitiveness Level of Higher Education Institution Students in Peninsular Malaysia)

NORASMAH OTHMAN\*, KHAIRUL KHAIRIYAH KHASBULLAH & HARIYATY AB WAHID

### ABSTRAK

Pada era dunia globalisasi masa kini, ekonomi Malaysia perlu lebih berdaya saing untuk kekal maju dan mapan setanding dengan ekonomi negara-negara membangun yang lain. Keperluan daya saing dalam diri individu amat ditekankan oleh kerajaan terutama kepada generasi muda yang bakal mewarisi ekonomi negara kelak. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengukur sejauh mana tahap daya saing pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Semenanjung Malaysia. Seramai 1910 pelajar sarjana muda dari 15 buah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 16 buah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Semenanjung Malaysia telah terlibat sebagai responden kajian. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for Sosial Science (SPSS) versi 16.0 bagi mendapatkan nilai skor min, sisihan piawai, kekerapan dan peratus. Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap daya saing pelajar IPT secara keseluruhan adalah pada tahap sederhana tinggi dengan nilai purata skor min sebanyak 3.54. Dapatan menunjukkan bahawa secara amnya antara sembilan konstruk daya saing, konstruk matlamat mencatatkan skor min tertinggi dengan nilai min 3.95 dan konstruk yang mempunyai skor min terendah ialah konstruk agresif dengan nilai min 3.27. Sementara tujuh konstruk yang lain mencatatkan nilai min di antara 3.29 hingga 3.79. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar IPT di Semenanjung Malaysia secara amnya masih tidak memiliki daya saing yang mantap sepertimana yang disarankan oleh Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara serta belum bersedia untuk berdepan dengan cabaran arus globalisasi secara kompetitif.

Kata kunci: Daya saing; pelajar institut pengajian tinggi; institut pengajian tinggi awam; institut pengajian tinggi swasta

### ABSTRACT

In this era of globalization, the economy in Malaysia needs to be more competitive in order to stay advanced and stable, comparable with the economy in other developing countries. The need for competitiveness in an individual is emphasized by the government, especially to the young generation who will inherit the economy of the country. Hence, this study was implemented to measure the competitiveness level of higher education institutions students in Peninsular Malaysia. A total of 1910 undergraduate students from 15 Public Institutions of Higher Education (IPTA) and 16 Private Institutions of Higher Education (IPTS) were selected as respondents. This study is a quantitative study using questionnaires as the instrument. The data were analyzed using the software Statistical Packages for Social Science (SPSS) version 16.0 to find the mean score, standard deviation, frequency and percentage. The results of the study indicated that the competitiveness level of IPT students, as a whole is high intermediate level with the mean score of 3.54. This finding also explains that among the nine constructs of competitiveness, the goal construct recorded the highest mean score with the mean value of 3.95 and for the lowest construct is aggressive construct with the mean value of 3.27. Meanwhile, the mean value recorded for the other seven constructs is from 3.29 to 3.79. This shows that students of higher education institutions are still not competitive enough as stated in the goal of the National Higher Education Strategic Plan and they are not ready to face the challenges of globalization competitively.

Keywords: Competitiveness; institutions of higher education; public institutions of higher education; private institutions of higher education

### PENDAHULUAN

Fenomena globalisasi yang berlaku hampir di seluruh dunia telah memberi tempias kepada negara dunia ketiga. Kepantasan perkembangan teknologi yang melanda dunia, memerlukan negarabangsa yang berani mendepani cabaran dalam mengukuhkan ekonomi negara. Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun, Malaysia

juga tidak terkecuali daripada menerima kesan fenomena tersebut dan perlu tampil gagah menghadapi persaingan antarabangsa yang bukan hanya dalam kalangan negara terdekat, malah melibatkan negara Amerika Syarikat dan Eropah Timur. Bagi menjamin kemampuan negara, modal insan merupakan sumber terpenting yang perlu digerakkan ke arah merealisasikan matlamat negara untuk mencapai ekonomi yang berintensif pengetahuan dan

diterajui inovasi (Malaysia 2010a). Keperluan kepada modal insan yang produktif dan berdaya saing merupakan pelaburan terpenting bagi penggerak pembangunan sesebuah negara serta menjadi teras kepada inovasi dan ekonomi berpendapatan tinggi (Lutfihak Alpkhan et al. 2010; Thomas & Daniel 2010; Raul Ramus et al. 2010). Oleh yang demikian, Malaysia perlu lebih konsisten dalam usahanya melahirkan bilangan modal insan yang berdaya saing untuk berdepan dengan persaingan pasaran global (World Bank 2007).

Menerusi laporan Rancangan Malaysia Kesepuluh (Malaysia, 2010a), Perdana Menteri turut memberi penekanan terhadap modal insan yang berdaya saing dengan menyatakan bahawa tunjang bagi ekonomi berpendapatan tinggi terletak pada tenaga kerja yang berdaya saing, kreatif dan inovatif di peringkat global. Beliau juga telah meletakkan sasaran kepada Malaysia untuk menjadi 10 negara terbaik dalam indeks daya saing global dan indeks inovasi global menjelang 2020 (MynewsOnline 2014). Keperluan memiliki sifat berdaya saing ini amat diperlukan pada masa depan kerana senario semasa menyaksikan kebarangkalian berlakunya persaingan sengit di antara negara, lanjutan daripada keadaan globalisasi, iaitu dunia tanpa sempadan (Harinder 2012). Selain itu, menurut Setiausaha Bahagian Dasar dan Antarabangsa Kementerian Pelajaran dan Pengajian Tinggi, Ahmad Nazri Sulaiman, para graduan perlu mengambil inisiatif untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang tinggi dari semasa ke semasa supaya negara dapat melahirkan lebih ramai pekerja yang berdaya saing bukan sahaja dalam pasaran negara malah di pentas dunia (Utusan Online 2013). Tambah beliau lagi, sijil yang diperolehi bukan bermakna penghujung kepada proses pendidikan kerana graduan perlu meningkatkan daya pemikiran intelek dan menambah keupayaan untuk berdaya saing di peringkat global.

Sehubungan itu, salah satu usaha untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing dan produktif adalah melalui program pendidikan dan latihan keusahawanan yang ditawarkan kepada pelajar, sama ada di peringkat menengah atau peringkat pengajian tinggi. Hal ini kerana kajian-kajian lepas membuktikan bahawa program pendidikan dan latihan keusahawanan mampu memupuk sifat berdaya saing dalam kalangan pelajar. Menurut Hariyaty (2014), pelajar yang didedahkan dengan program latihan keusahawanan yang dikenali sebagai program *Students in Free Enterprise* (SIFE) yang kini dikenali sebagai ENACTUS di peringkat universiti merupakan salah satu platform permulaan yang sesuai untuk membentuk sikap berdaya saing dalam diri pelajar. Hal ini terbukti dalam dapatan kajian beliau yang menunjukkan tahap daya saing pelajar SIFE adalah lebih tinggi berbanding pelajar bukan SIFE ( $t = 5.61$ ,  $p < .05$ ). Kenyataan Hariyaty ini selari dengan pendapat Azmi et al. (2012), Mohd Khata dan Ahmad Firdaus (2012) apabila mereka juga menegaskan bahawa pendidikan keusahawanan yang didedahkan kepada generasi muda mampu mewujudkan modal insan

yang berdaya saing, berkualiti, inovatif dan kreatif yang akhirnya berupaya merubah ekonomi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi seterusnya mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Pendidikan dan latihan keusahawanan yang diterima oleh sebahagian besar pelajar di peringkat IPT terbukti mampu memberikan nilai tambah dalam bentuk peningkatan daya saing kepada pelajar yang terlibat (Hariyaty et al. 2014). Dengan kemahiran daya saing yang dimiliki golongan muda ini, hasrat negara untuk menikmati pembangunan ekonomi negara konsisten lagi mampam akan menjadi realiti.

#### LATAR BELAKANG KAJIAN

Bilangan graduan yang dilahirkan semakin meningkat dari tahun ke tahun, namun peningkatan kuantiti graduan tidak sepadan dengan kualiti graduan yang dihasilkan oleh universiti (Al-Dosary et al. 2006). Kajian literatur mendapati kebanyakan graduan ketika ini tidak banyak memiliki kriteria yang dikehendaki oleh pasaran industri seperti mana yang dicitrakan oleh negara (Zaleha et al. 2007). Rentetan itu, peratusan graduan yang mendapat pekerjaan sebaik sahaja tamat pengajian amat rendah. Hal ini terbukti dengan kajian pengesahanan graduan IPT 2011 yang memaparkan bahawa jumlah graduan IPT yang belum bekerja setelah tamat pengajian mencecah 44,391 (24%) (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia 2012).

Kegagalan graduan memperoleh pekerjaan dipercayai berpunca daripada kurangnya keyakinan terhadap kebolehan diri, tidak mempunyai matlamat dan keinginan untuk meningkatkan diri, tidak agresif dalam melaksanakan sesuatu tugas, kurang kemahiran komunikasi, kurang mahir dalam mengurus kewangan serta mengurus organisasi. Akibat kekurangan dan kelemahan tersebut, kebolehpasaran juga kebolehkerjaan seseorang itu menjadi semakin sukar (Hariyaty 2014; Norasmah et al. 2014; Hariyaty et al. 2013). Menurut kajian oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara, punca pengangguran dalam kalangan siswazah adalah bertitik tolak daripada kekurangan latihan dan kemahiran yang diterima. Mereka seharusnya dibekalkan dengan persediaan yang mantap sebelum memasuki alam pekerjaan. Namun, kekurangan kualiti dan kebolehgunaan tenaga siswazah serta kekurangan kemahiran interpersonal seperti pengurusan organisasi dan komunikasi yang dialami mereka menjelaskan bahawa latihan dan kemahiran yang diajarkan masih belum mencapai matlamat (Ming et al. 2009).

Hal ini secara tidak langsung membawa implikasi terhadap pembaziran tenaga modal insan yang tidak dapat digunakan secara berkesan untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa (Kementerian Pengajian Tinggi, 2012). Kekurangan aspek-aspek yang dilaporkan ini juga menjadi salah satu punca mengapa graduan IPT Malaysia kurang berdaya saing. Malah, beberapa pengkaji turut mempersoalkan tentang kemampuan graduan yang dikeluarkan oleh universiti tempatan termasuklah yang

berkaitan isu kebolehpasaran mereka di pasaran kerja, daya tahan dan daya saing graduan (Norasmah et al. 2014). Persoalannya, mengapa para graduan yang dilahirkan tidak memiliki kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam pasaran? Adakah kerana kurangnya daya saing dalam diri mereka? Adakah IPT gagal berperanan untuk melahirkan graduan yang berdaya saing? Maka kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti profil daya saing pelajar IPT.

#### KONSEP DAYA SAING

Secara umum, daya saing boleh disifatkan sebagai sebahagian daripada motivasi intrinsik yang wujud dalam diri seseorang untuk bekerja lebih baik, lebih cepat dan lebih cemerlang daripada orang lain di sekelilingnya (Sumihardjo, 2008). Istilah daya saing berasal daripada perkataan Latin, *competer* yang bermaksud penglibatan dalam perniagaan yang melibatkan persaingan dalam pasaran (Ajithab & Momaya 2004). Daya saing melibatkan ciri-ciri termasuk berorientasikan jangka panjang, mampu dikawal, bersifat relatif, iaitu secara perbandingan dan juga melibatkan proses yang dinamik (Thomas et al. 2002). Menurut Hariyaty (2014), daya saing merujuk kepada set kompetensi pengurusan diri pelajar yang meliputi lima perkara yang mampu menjadikan seseorang pelajar itu berdaya saing, iaitu komunikasi, pengurusan diri, merancang dan mentadbir, tindakan strategik dan pelbagai budaya. Oleh itu, seseorang yang memiliki daya saing yang lebih tinggi akan berupaya untuk melakukan kerja dengan lebih baik, mampu menghadapi pelbagai cabaran dan dapat menyesuaikan diri dengan kerjanya.

Dalam kajian ini, daya saing meliputi sembilan dimensi iaitu Daya Saing Agresif (DSA), Daya Saing Dominan (DSD), Daya Saing Peningkatan Diri (DSPD), Daya Saing Kebolehsaingan (DSKS), Daya Saing Pengurusan Organisasi (DSPO), Daya Saing Pengurusan Komunikasi (DSPK), Daya Saing Matlamat (DSM), Daya Saing Pengurusan Kewangan (DSPK) dan Daya Saing Kebolehkerjaan (DSK).

#### DAYA SAING AGRESIF (DSA)

Agresif bermaksud tingkah laku yang berbentuk instrumental di mana ciri-ciri agresif yang dimaksudkan adalah seseorang yang mempunyai keinginan yang luar biasa bagi mendapatkan sesuatu yang membawa kepada tindakan yang drastik untuk memperolehnya (Azizi & Faizah 2004). Namun begitu, DSA dalam kajian ini merujuk kepada beberapa indikator, iaitu: (1) saya banyak berfikir tentang persaingan; (2) saya tetap mahu bersaing walaupun pemenang tidak diisyiharkan; (3) saya merasa lega apabila saya cemerlang berbanding pelajar lain; (4) saya mampu membuktikan saya yang terhebat apabila bersaing; (5) saya banyak memikirkan cara untuk mengatasi orang lain dalam persaingan; (6) saya yakin persaingan adalah satu cara menguasai pihak lawan; (7) saya benci menjadi yang kedua terbaik sekali pun tahu orang lain lebih berkemahiran; (8)

saya suka mencabar orang lain; (9) saya melihat hampir setiap keadaan sebagai satu cara untuk membuktikan bahawa saya lebih baik daripada yang lain; (10) orang mengatakan bahawa saya seorang yang berdaya saing; dan (11) saya suka menjadi yang terbaik walaupun dalam pasukan saya sendiri.

#### DAYA SAING DOMINAN (DSD)

Dominan membawa maksud berkuasa atau berpengaruh seperti mendapat kedudukan yang berpengaruh dalam sesebuah organisasi. Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), dominan adalah sifat yang kuat pengaruhnya. Kajian ini menyifatkan indikator DSD sebagai: (1) saya perlu menjadi lebih baik daripada yang lain dalam semua perkara; (2) saya cuba mengatasi pencapaian orang lain; (3) orang lain selalu menurut kehendak saya tanpa dipaksa; (4) saya sentiasa dapat mengawal perbincangan; (5) saya mengenakan peraturan ke atas orang lain; (6) saya percaya kejayaan adalah aspek yang terpenting dalam persaingan; (7) kejayaan membuatkan saya merasa lebih hebat daripada orang lain; (8) saya susah hati jika saya bukan yang terbaik; dan (9) kegagalan orang lain tidak mempengaruhi perasaan saya.

#### DAYA SAING PENINGKATAN DIRI (DSPD)

Peningkatan diri bermaksud proses perbuatan yang memerlukan daya usaha untuk membawa perubahan secara beransur-ansur daripada tahap yang rendah kepada tahap yang tinggi (Samiwati, 2009). Menurut kamus Dewan (2002), peningkatan membawa maksud usaha atau perbuatan meningkatkan sesuatu. Dalam kajian ini, indikator DSPD merujuk kepada: (1) kemampuan untuk lebih berdaya saing setelah gagal; (2) kesedaran membina hubungan persahabatan menerusi persaingan; (3) kemauan untuk mengatasi prestasi orang lain; (4) keinginan untuk mencuba sesuatu yang sukar; (5) suka terhadap cabaran dalam persaingan; (6) kesedaran memperbaiki kemahiran diri melalui persaingan; (7) keinginan terhadap persaingan; (8) kesedaran membuat penilaian terhadap diri sendiri apabila bersaing; (9) mengambil pelajaran menerusi persaingan dengan orang lain; dan (10) kesedaran untuk mencapai matlamat diri.

#### DAYA SAING KEBOLEHSAINGAN (DSKS)

Menurut Wan Hartini (2003), persaingan bermaksud perbuatan melawan atau mengatasi antara satu sama lain bagi memenangi perkara tertentu. Menerusi kajian ini, indikator DSKS merujuk kepada: (1) keseronokan terhadap persaingan yang dianggap sebagai satu peluang untuk menunjukkan kebolehan; (2) kesedaran menjadikan persaingan sebagai satu medan untuk membina persahabatan; (3) keinginan bersaing untuk mencungkil kehebatan sendiri; (4) kesedaran untuk mengenal diri sendiri menerusi persaingan; (5) kemauan untuk dikenali

oleh orang lain menerusi kebolehan diri; (6) menyumbang kepada kesejahteraan orang lain menerusi persaingan; (7) keinginan bersaing untuk menjadi yang terbaik; (8) sentiasa membandingkan kebolehan diri dengan orang lain; (9) keinginan memperbaiki diri menerusi persaingan; (10) keinginan untuk meningkatkan kecekapan melalui persaingan; dan (11) keseronokan menyusun strategi untuk memenangi pertandingan.

#### DAYA SAING PENGURUSAN ORGANISASI (DSPO)

Rodiah (2010) mendefinisikan pengurusan sebagai keupayaan merancang, mengagihkan dan melaksanakan sesuatu tugas. Pengurusan dalam kajian ini bermaksud satu proses aktiviti tadbir-urus untuk merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal sumber-sumber secara cekap dan berkesan ke arah mencapai matlamat organisasi, manakala organisasi bermaksud himpunan individu yang menjalankan tugas secara kerjasama bagi mencapai satu matlamat yang telah ditetapkan. Indikator DSPO dalam kajian ini merangkumi: (1) fokus terhadap matlamat organisasi; (2) cepat mengenal pasti sebarang perubahan penting yang berlaku dalam organisasi; (3) mampu meyesuaikan diri dalam budaya organisasi; (4) mengetahui kekuatan organisasi; dan (5) memahami struktur organisasi.

#### DAYA SAING PENGURUSAN KOMUNIKASI (DSPK)

Komunikasi adalah satu bentuk interaksi manusia yang saling mempengaruhi antara satu sama lain dan tidak terhad kepada komunikasi menggunakan bahasa verbal, tetapi juga dalam bentuk ekspresi muka, lukisan, seni dan teknologi (Hafies 1998). Menerusi kajian ini, indikator DSPK merujuk kepada: (1) kemampuan mengendalikan sesi soal jawab dengan baik semasa pembentangan formal; (2) kemampuan membuat orang lain berasa selesa bercakap dengan kita; (3) kemampuan untuk berkomunikasi secara efektif dalam Bahasa Melayu; (4) kemampuan untuk berkomunikasi secara efektif dalam Bahasa Inggeris; dan (5) kemampuan untuk membuat pembentangan dengan yakin di hadapan kumpulan lain.

#### DAYA SAING MATLAMAT (DSM)

Matlamat merujuk kepada sesuatu perkara yang hendak dicapai. Ia merupakan objektif jangka panjang dan luas yang ingin dicapai dalam sesuatu perkara di mana matlamat kadangkala boleh bersifat umum atau abstrak (Norasmah & Sabariah 2007). Indikator DSM dalam kajian ini terdiri daripada: (1) bekerja keras untuk mendapatkan gred A; (2) kecewa jika tidak mencapai matlamat yang telah ditetapkan; dan (3) keinginan untuk mencapai kecemerlangan dalam semua aspek yang dilakukan.

#### DAYA SAING PENGURUSAN KEWANGAN (DSPW)

Pengurusan kewangan yang baik merupakan salah satu daripada faktor yang menentukan keuntungan perniagaan dan memastikan kedudukan tunai perniagaan berada dalam keadaan baik (Ismail et al. 2008). Dalam kajian ini, pengurusan kewangan membawa maksud proses merancang dan menguruskan kewangan iaitu semua perkara yang berkaitan dengan hal wang ringgit dalam sesuatu organisasi secara sistematik dan teratur. Indikator DSPW yang diukur dalam kajian ini ialah: (1) memahami penyata kewangan dengan baik; (2) merekod setiap belanjawan kewangan dengan tepat dan lengkap; dan (3) bekerja dengan baik berlandaskan garis panduan kewangan yang sedia ada.

#### DAYA SAING KEBOLEHKERJAAN (DSKK)

Kebolehkerjaan didefinisikan sebagai memiliki kemahiran asas akademik, kemahiran berfikir dan kualiti peribadi untuk membantu mendapatkan pekerjaan, meningkatkan potensi diri dalam kerjaya yang diceburi serta menyumbang kepada kejayaan organisasi (Alabama COOP Exten. Sys, 2002). Menurut Kamus Dewan (2002), kebolehkerjaan ialah tahap kebolehan seseorang dalam melaksanakan tugas atau kerja tertentu. Menerusi kajian ini, indikator DSKK dilihat melalui beberapa aspek, iaitu: (1) kesanggupan bekerja seorang diri untuk mencapai matlamat; (2) bekerja dengan bersungguh-sungguh berbanding rakan sepasukan yang lain; (3) mengambil kira komen orang lain untuk meningkatkan kompetensi diri; dan (4) menyempurnakan tugas yang sukar walaupun tidak yakin untuk menyelesaiannya seorang diri.

#### METODOLOGI

##### REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini berbentuk kaedah tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Kaedah tinjauan ini berfungsi untuk mengumpul data secara terus daripada subjek kajian dan sesuai dimanfaatkan oleh pengkaji dalam proses pengumpulan data berhubung dengan fenomena yang tidak dapat diperhatikan secara langsung (Noraini 2010; Chua 2011). Kajian tinjauan juga sesuai diguna untuk mengkaji sikap, kepercayaan, nilai, demografi, tingkah laku, pendapat, keinginan dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan seseorang individu (Chua 2011). Menerusi reka bentuk kajian yang dipilih ini, pengkaji dapat mengenal pasti profil daya saing pelajar IPT di mana daya saing pelajar merupakan pemboleh ubah bersandar dan demografi pelajar merupakan pemboleh ubah tidak bersandar. Melalui kaedah tinjauan, hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas juga dapat dikenal pasti.

#### POPULASI DAN PERSAMPELAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda (ISM) di institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan perangkaan pendidikan negara sekitar tahun 2012, populasi bagi pelajar yang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di IPTA adalah seramai 305,141 dan seramai 135,990 di PTS (Kementerian Pengajian Tinggi 2012). Pemilihan sampel dibuat secara tiga peringkat. Peringkat pertama, menggunakan teknik persampelan berkelompok mengikut zon, iaitu Zon Utara, Zon Timur, Zon Tengah dan Zon Selatan. Zon Utara melibatkan IPT yang berada di negeri Perlis, Pulau Pinang, Kedah dan Perak. Zon Tengah merangkumi IPT di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur. Sementara, Zon Selatan merangkumi IPT di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Zon Timur pula merangkumi IPT di Pahang, Terengganu dan Kelantan. Peringkat kedua, IPT tersebut ditraktarkan mengikut jenis IPT (IPTA dan PTS) dan aliran pengajian pelajar (Sains Tulen, Sains Sosial dan Teknikal). Peringkat ketiga, sampel kajian diambil secara rawak mudah.

Penentuan saiz sampel dilakukan agar saiz sampel yang dipilih dapat mewakili populasi dan maklumat yang diperoleh tidak akan pincang (Norasmah 2002). Namun dalam kajian, jumlah sampel yang terlibat dalam kajian adalah melebihi jumlah saiz yang dicadangkan kerana memikirkan kemungkinan berlakunya keadaan di mana soal selidik dipulangkan tidak lengkap atau tidak dikembalikan langsung. Oleh itu, sebanyak 1000 soal selidik telah diedarkan di IPTA dan 1000 soal selidik di PTS. Namun hanya sebanyak 1910 soal selidik sahaja yang lengkap dan boleh dianalisis untuk kajian. Soal selidik sebanyak 1910 ini mewakili 929 orang pelajar IPTA (Sains Sosial: 312; Sains Tulen: 316; Teknikal: 315) dan 981 orang pelajar PTS (Sains Sosial: 315; Sains Tulen: 326; Teknikal: 315). Jumlah ini adalah mencukupi iaitu melebihi 80 peratus kadar pulangan keseluruhan soal selidik yang diedarkan (Cohen et al. 2001).

#### INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini merupakan instrumen yang diadaptasi daripada Norasmah et al. (2014). Instrumen ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A: mengandungi enam item, untuk tujuan mengumpul maklumat latar belakang responden. Bahagian B mengandungi 61 item yang terdiri daripada sembilan konstruk daya saing, iaitu agresif (11 item), dominan (9 item), peningkatan diri (10 item), kebolehsaingan (11 item), pengurusan organisasi (5 item), pengurusan komunikasi (5 item), matlamat (3 item), pengurusan kewangan (3 item) dan kebolehkerjaan (4 item). Soal selidik ini diukur dengan menggunakan skala Likert lima mata iaitu dari 1 = Sangat Tidak Setuju kepada 5 = Sangat Setuju.

Instrumen daya saing yang diadaptasi ini ialah instrumen yang telah memperoleh kesahan serta

kebolehpercayaan yang tinggi mengikut acuan pelajar IPT Malaysia di mana nilai *point measure correlation* (PTMEA CORR) adalah di antara 0.48 hingga 0.72. Dapatkan daripada *Summary Statistic* juga menunjukkan indeks kebolehpercayaan item daya saing 0.98 dan indeks pengasingan (separation) *item* daya saing 6.27, manakala indeks kebolehpercayaan responden daya saing 0.98 dan indeks pengasingan responden daya saing 6.31. Hal ini bermakna indeks kebolehpercayaan item dan responden adalah sangat baik kerana menghampiri satu dan indeks pengasingan item serta responden adalah baik kerana lebih daripada 2 (Linarce 2007). Seterusnya, nilai indeks *outfit/infit MNSQ* (men square) adalah di antara 0.70 hingga 1.48. Item yang mempunyai indeks *outfit/infit MNSQ* di antara 0.5 hingga 1.5 adalah produktif untuk pengukuran dan boleh dikekalkan (Linarce 2007). Dalam mengesan ciri unidimensi untuk mengukur konstruk tunggal, dapatan berdasarkan *principal component analysis* menunjukkan nilai varians yang dijelaskan oleh ukuran (raw variance explained by measures) ialah 44.6 peratus bagi daya saing dan *unexplained variance in 1<sup>st</sup> contrast* ialah 5.7 peratus bagi daya saing dan keadaan ini menunjukkan tidak wujud dengan jelas dimensi kedua. Azrilah et al. (2013) mengatakan analisis Rasch memerlukan sekurang-kurangnya 40 peratus *raw variance explained by measures* dan *unexplained variance in 1<sup>st</sup> contrast* tidak melebihi had kawalan 15 peratus, sebagai tanda ukuran instrumen mempunyai ciri unidimensionaliti. Seterusnya, bagi tujuan mengukur tahap daya saing Jadual 1 telah digunakan sebagai panduan.

JADUAL 1. Interpretasi skor min

Bil	Skala Skor Min	Interpretasi Tahap
1.	1.00 hingga 2.00	Rendah
2.	2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.	3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.	4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Nunally (1978); Norasmah (2002); Norasmah & Sabariah (2005)

#### PROFIL RESPONDEN

Jadual 2 memaparkan keseluruhan profil demografi responden. Seramai 1910 responden yang terdiri daripada 929 (48.6%) pelajar IPTA dan 981 (51.4%) pelajar PTS telah terlibat dalam kajian ini. Selain itu taburan responden berdasarkan kategori jantina pula menunjukkan jumlah responden perempuan sebanyak 1033 orang (54.1%) dan responden lelaki sebanyak 877 orang (45.9%). Bagi kategori bangsa, responden Melayu adalah berjumlah 1096 orang (57.4%) dan responden bukan Melayu berjumlah 814 orang (42.6%). Dalam kategori ini, responden bukan Melayu terdiri daripada bangsa Cina sebanyak 542 orang (28.4%), bangsa India sebanyak 208 orang (10.9%), dan lain-lain bangsa sebanyak 64 orang (3.3%). Bagi kategori

aliran pengajian pula, responden dalam aliran Sains Sosial menunjukkan jumlah sebanyak 723 orang (37.9%), responden dalam aliran Sains Tulen sebanyak 636 orang (33.3%) dan responden dalam aliran Teknikal sebanyak 551 orang (28.8%).

JADUAL 2. Profil demografi responden

Profil Demografi	Kategori	Frekuensi	Peratus (%)
Jenis IPT	IPTA	929	48.6
	IPTS	981	51.4
Jantina	Lelaki	877	45.9
	Perempuan	1033	54.1
Bangsa	Melayu	1096	57.4
	Bukan Melayu:	814	42.6
Aliran Pengajian	Cina	542	28.4
	India	208	10.9
	Lain-lain	64	3.3
	Sains Tulen	636	33.3
Sains Sosial	Sains Sosial	723	37.9
	Teknikal	551	28.8

#### DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini membincangkan tahap daya saing pelajar IPT di Semenanjung Malaysia bagi menjawab objektif kajian. Skala skor min dirujuk bagi mengukur tahap daya saing pelajar IPT di Semenanjung Malaysia. Skala skor min dan ukuran interpretasi tahap daya saing boleh dirujuk pada Jadual 1.

#### ANALISIS OBJEKTIF 1: TAHAP DAYA SAING PELAJAR IPT DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Bagi menganalisis tahap daya saing pelajar IPT, sembilan konstruk daya saing telah digunakan dalam kajian ini termasuklah agresif, dominan, peningkatan diri, kebolehsaingan, pengurusan organisasi, pengurusan komunikasi, matlamat, pengurusan kewangan dan kebolehkerjaan. Jadual 3 menunjukkan hasil analisis tersebut.

JADUAL 3. Tahap daya saing pelajar IPT

Konstruk Daya Saing	Min	Sp	Interpretasi Tahap
1. Agresif	3.27	0.85	Sederhana Tinggi
2. Dominan	3.30	0.80	Sederhana Tinggi
3. Peningkatan Diri	3.79	0.72	Sederhana Tinggi
4. Kebolehsaingan	3.63	0.71	Sederhana Tinggi
5. Pengurusan Organisasi	3.62	0.71	Sederhana Tinggi
6. Pengurusan Komunikasi	3.70	0.67	Sederhana Tinggi
7. Matlamat	3.95	0.74	Sederhana Tinggi
8. Pengurusan Kewangan	3.29	0.94	Sederhana Tinggi
9. Kebolehkerjaan	3.66	0.73	Sederhana Tinggi
Daya Saing Keseluruhan	3.54	0.61	Sederhana Tinggi

Secara keseluruhan, tahap daya saing pelajar IPT di Semenanjung Malaysia adalah pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min 3.54 dan sisihan piawai 0.61. Amnya, kesemua konstruk dalam jadual menunjukkan skor min di antara 3.27 hingga 3.79, iaitu pada tahap sederhana tinggi. Konstruk yang mempunyai skor min yang tertinggi antara sembilan konstruk ini adalah konstruk matlamat dengan skor min = 3.95. Perincian mengenai konstruk matlamat boleh dirujuk pada Jadual 4. Item yang paling menyumbang kepada nilai min yang tinggi adalah item 44, "Saya mahu cemerlang dalam semua aspek yang saya lakukan" dengan nilai min 4.03 diikuti dengan item 42 dan item 43. Hal ini bermakna pelajar memang sudah memiliki matlamat semasa berada dalam universiti.

Dapatan ini juga didapati selari dengan kajian Norasmah dan Sabariah (2007), apabila mereka juga mendapati bahawa pelajar IPT mempunyai skor min yang tinggi dalam konstruk pembentukan matlamat (min = 3.82, s.p = 0.56). Malah menurut Garavalia & Gredler (2002), pengenalpastian matlamat merupakan elemen penting bagi menentukan kejayaan seseorang. Justeru, dapatan ini menyokong kenyataan mereka kerana kebanyakan pelajar IPT sudah bersedia terlebih dahulu dengan matlamat untuk mencapai kecemerlangan semasa mereka di IPT kelak. Tambahan pula, kebanyakan pelajar IPT sudah mempunyai matlamat (cita-cita) sebelum memasuki universiti dan universiti merupakan medan untuk mereka mengumpul kemahiran serta ilmu untuk mencapainya.

JADUAL 4. Konstruk matlamat

Item	Pernyataan	Min	Sp
42	Saya bekerja keras untuk mendapatkan gred A	3.99	0.903
43	Saya kecewa jika tidak mencapai matlamat yang telah ditetapkan	3.85	0.917
44	Saya mahu cemerlang dalam semua aspek yang saya lakukan	4.03	0.873

Konstruk daya saing yang menunjukkan nilai skor min yang paling rendah adalah konstruk agresif yang mencatatkan nilai min = 3.27. Jadual 5 menunjukkan item yang terlibat dalam konstruk agresif. Item yang mencatat nilai min paling rendah dalam konstruk agresif ini ialah

item 21, "Saya benci menjadi yang kedua terbaik sekali pun tahu orang lain lebih berkemahiran" dan item 22 "Saya suka mencabar orang lain" dengan skor min 2.97 dan 2.98. Kedua-dua item ini menunjukkan pelajar IPT di Semenanjung Malaysia sentiasa berpuas hati untuk

menjadi kedua terbaik dan tidak mempunyai keinginan untuk mencabar orang lain bagi memastikan diri mereka sentiasa menjadi yang pertama terbaik. Bagi 9 item yang lain, kesemua item berada di tahap sederhana tinggi.

Dapatkan ini menjelaskan bahawa majoriti pelajar IPT di Semenanjung Malaysia kurang memiliki sikap agresif, menerima seadanya dan kurang berminat untuk bersaing sesama mereka. Kekurangan inilah yang sering dinyatakan antara penyebab kegagalan graduan dalam dunia pasaran kerjaya (Malaysia 2013b). Sikap yang kurang agresif ini pernah dibincangkan dan dirancangkan strategi penyelesaiannya sebagaimana yang tertera dalam Teras Dua Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), iaitu ke arah merealisasikan keterampilan dan kebolehpasaran

graduan menerusi pemantapan kualiti pelajar telah digubal dan dilaksana.

Daya saing negara secara kritikal bergantung kepada keupayaan negara untuk membangunkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai mentaliti kelas pertama. Tidak dapat dinafikan bahawa pelbagai program telah digubal dan diolah untuk menggalakkan anjakan daya saing modal insan agar dapat memajukan diri ke tahap yang paling tinggi serta memberikan sumbangan kepada masyarakat, negara dan global (Kementerian Pengajian Tinggi 2004). Namun, jika pelajar berterusan mempamerkan sikap agresif yang terlalu rendah seperti yang dicatatkan dalam kajian ini, adalah tidak mustahil kualiti graduan untuk tampil berdaya saing di pasaran terus terjejas serta melumpuhkan pembangunan ekonomi dan sosial negara.

JADUAL 5. Konstruk agresif

Item	Pernyataan	Min	Sp
14	Saya banyak berfikir tentang persaingan	3.34	1.09
15	Saya tetap mahu bersaing walaupun pemenang tidak diisyiharkan	3.35	1.13
17	Saya merasa lega apabila saya cemerlang berbanding pelajar lain	3.65	1.06
18	Saya mampu membuktikan saya yang terhebat apabila bersaing	3.39	1.09
19	Saya banyak memikirkan cara untuk mengatasi orang lain dalam persaingan	3.42	1.06
20	Saya yakin persaingan ialah satu cara menguasai pihak lawan	3.32	1.12
21	Saya benci menjadi yang kedua terbaik sekali pun tahu orang lain lebih berkemahiran	2.97	1.22
22	Saya suka mencabar orang lain	2.98	1.19
23	Saya melihat hampir setiap keadaan sebagai satu cara untuk membuktikan bahawa saya lebih baik daripada yang lain	3.13	1.12
24	Orang mengatakan bahawa saya seorang yang berdaya saing	3.25	1.08
25	Saya suka menjadi yang terbaik walaupun dalam pasukan saya sendiri	3.15	1.14

Seterusnya, Jadual 6 merupakan item-item yang terdapat dalam dimensi dominan. Skor min yang dipaparkan oleh item dominan adalah di antara 2.89 hingga 3.51. Menerusi nilai skor min yang dicatatkan, hanya terdapat satu item dalam kategori tahap sederhana rendah iaitu item nombor 31, manakala item lain berada pada tahap sederhana tinggi. Item 31 yang berada di tahap sederhana rendah menunjukkan pelajar IPT tidak suka mengenakan peraturan ke atas orang lain di mana ciri-ciri untuk menguasai sesuatu keadaan itu masih lemah dalam kalangan mereka.

Dapatkan kajian ini adalah selari dengan apa yang ditemui oleh kajian Wan Hartini et al. (2003) dan Hariyaty

(2014). Seharusnya pelajar IPT memiliki daya saing dengan keupayaan dan kemampuan untuk bersaing atau berlumba-lumba dengan orang lain bagi mencapai matlamat yang ditetapkan (Houston et al. 2002; Hariyaty 2014) serta tidak perlu ragu-ragu dalam mengenakan peraturan ke atas orang lain mengikut kesesuaian keadaan serta keperluan tugas sebagai seorang pelajar. Pelajar IPT perlu memiliki daya saing yang dominan dalam pembangunan interpersonal mereka untuk kekal kompetitif di pasaran kerja kelak. Mereka perlu memiliki naluri berdaya saing yang tinggi, sikap mental terhadap pencapaian, keinginan yang kuat untuk menang dan gelagat persaingan yang berdasarkan motif untuk meraih ganjaran.

JADUAL 6. Konstruk dominan

Item	Pernyataan	Min	Sp
27	Saya perlu menjadi lebih baik daripada yang lain dalam semua perkara	3.42	1.10
28	Saya cuba mengatasi pencapaian orang lain	3.51	1.02
29	Orang lain selalu menurut kehendak saya tanpa dipaksa	3.16	1.09
30	Saya sentiasa dapat mengawal perbincangan	3.33	1.02
31	Saya mengenakan peraturan ke atas orang lain	2.89	1.21
32	Saya percaya kejayaan adalah aspek yang terpenting dalam persaingan	3.49	1.05
35	Kejayaan membuatkan saya lebih hebat daripada orang lain	3.38	1.14
36	Saya susah hati jika saya bukan yang terbaik	3.28	1.12
37	Kegagalan orang lain tidak mempengaruhi perasaan saya	3.22	1.10

Jadual 7 memaparkan semua item yang terdapat dalam dimensi peningkatan diri. Skor min yang dipaparkan oleh item peningkatan diri adalah di antara 3.62 hingga 3.97. Secara keseluruhannya, nilai skor min yang dipaparkan menunjukkan kesemua item bagi dimensi peningkatan diri berada pada tahap sederhana tinggi. Hal ini membuktikan bahawa pelajar IPT mempunyai sikap yang berdaya maju dan sentiasa berkeinginan untuk meningkatkan diri. Kajian ini adalah selari dengan kajian Rohana (2010) dan Hariyaty (2014) yang mendapatkan bahawa pelajar IPTS dan IPTA di Malaysia mampu mengurus diri dengan baik untuk meningkatkan pencapaian mereka.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sesuatu yang positif dari sudut pengurusan diri pelajar dan seiring dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia (2001) yang mengklasifikasi insan yang berupaya mengurus diri dengan baik sama ada dari aspek jasmani, rohani dan sahsiah akan menjadi insan yang seimbang lagi harmonis sebagaimana yang ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Justeru, bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis tersebut, maka adalah perlu kesemua potensi yang wujud dalam diri insan dikembangkan secara menyeluruh, seragam dan harmonis juga.

JADUAL 7. Konstruk peningkatan diri

Item	Pernyataan	Min	Sp
5	Kegagalan menjadikan saya lebih bersemangat untuk bersaing di masa hadapan	3.87	0.96
6	Saya percaya persaingan yang sihat membantu mengeratkan persahabatan	3.94	0.95
7	Saya sentiasa cuba mengatasi prestasi orang lain	3.65	0.98
8	Saya ingin mencuba sesuatu yang sukar walaupun saya tahu saya bukan yang terbaik	3.81	0.91
10	Saya suka cabaran dalam persaingan	3.78	0.93
11	Saya belajar memperbaiki kemahiran diri melalui persaingan	3.85	0.93
12	Persaingan penting buat saya	3.62	1.03
13	Saya menilai diri sendiri apabila bersaing	3.77	0.99
16	Saya belajar melalui persaingan dengan orang lain	3.63	1.00
41	Saya sedar mencapai matlamat diri adalah sangat penting bagi saya	3.97	0.89

Jadual 8 memaparkan semua item yang terdapat dalam dimensi kebolehsaingan. Skor min yang dipaparkan oleh item kebolehsaingan adalah di antara 3.49 hingga 3.72. Secara keseluruhannya, nilai skor min yang dipaparkan menunjukkan kesemua item bagi dimensi kebolehsaingan berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar IPT di Semenanjung Malaysia mempunyai sifat berdaya saing yang tinggi untuk menyaingi antara satu sama lain. Hal ini adalah kerana setiap pelajar IPT

inginkan kejayaan dalam setiap apa yang mereka usahakan terutama dalam pengajian mereka. Namun hakikatnya tidak semua pelajar dapat mencapai kejayaan sebagaimana yang diinginkan. Oleh yang demikian, pelajar IPT berkenaan perlu memiliki daya saing yang tinggi untuk lebih berjaya dalam situasi pembelajaran dan kehidupan yang penuh persaingan (Wan Hartini et al. 2003, Hamzan 2006; Norasmah et al. 2012a; Hariyaty 2014).

JADUAL 8. Konstruk kebolehsaingan

Item	Pernyataan	Min	Sp
58	Saya seronok bersaing kerana ini merupakan peluang untuk saya menunjukkan kebolehan	3.59	0.94
59	Saya menjadikan persaingan sebagai medan membina persahabatan dengan orang lain	3.67	0.90
60	Saya bersaing untuk mengungkil kehebatan diri	3.67	0.93
61	Saya mengenali diri sendiri melalui persaingan	3.66	0.93
62	Saya mahu orang lain mengenali saya kerana kebolehan saya	3.58	1.01
63	Saya menyumbang kepada kesejahteraan orang lain melalui persaingan	3.49	0.93
65	Saya bersaing untuk menjadi yang terbaik	3.64	1.00
66	Saya sentiasa mengukur kebolehan saya dengan orang lain	3.56	1.02
67	Saya memperbaiki diri dengan persaingan	3.72	0.92
68	Saya meningkatkan kecekapan dengan bersaing	3.71	0.93
69	Saya seronok menyusun strategi untuk menang dalam persaingan	3.62	0.98

Jadual 9 pula memaparkan semua item yang terdapat dalam dimensi pengurusan organisasi. Skor min yang dipaparkan oleh item pengurusan organisasi adalah di antara 3.58 hingga 3.69. Menerusi nilai skor min yang dicatatkan, semua item dalam dimensi ini berada di tahap sederhana tinggi. Hal ini membuktikan bahawa pelajar IPT di Semenanjung Malaysia mempunyai kemahiran yang baik dalam menguruskan sesebuah organisasi dan sentiasa fokus terhadap matlamat organisasi yang dianggotai. Dapatkan

ini juga adalah selari dengan penemuan Wan Hartini et al. (2003) yang megakui bahawa persaingan yang wujud sekitar lama dalam masyarakat pelajar adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan kerana ia merupakan sifat semula jadi manusia. Namun, kemahiran pengurusan organisasi ini perlu diurus dengan baik agar dapat memotivasi seseorang untuk mencapai yang terbaik, menyeronokkan serta dapat membentuk tingkah laku seseorang.

JADUAL 9. Konstruk pengurusan organisasi

Item	Pernyataan	Min	Sp
53	Saya sentiasa fokus kepada matlamat organisasi (institusi, persatuan, kelab, dan lain-lain)	3.59	0.90
54	Saya cepat mengenalpasti sebarang perubahan penting yang berlaku dalam organisasi (institusi, persatuan, kelab, dan lain-lain) yang saya serta	3.58	0.89
55	Saya mampu menyesuaikan diri dalam budaya organisasi (institusi, persatuan, kelab, dan lain-lain) yang unik	3.69	0.83
56	Saya mengetahui kekuatan organisasi (institusi, persatuan, kelab, dan lain-lain) yang saya serta	3.61	0.86
57	Saya memahami struktur organisasi (institusi, persatuan, kelab, dan lain-lain) yang disertai dan cara kerja-kerja dijalankan	3.63	0.85

Jadual 10 memaparkan semua item yang terdapat dalam dimensi pengurusan komunikasi. Skor min yang dipaparkan oleh item pengurusan komunikasi adalah di antara 3.56 hingga 3.90. Menerusi nilai skor min yang dicatatkan, semua item dalam dimensi ini berada pada tahap sederhana tinggi. Hal ini membuktikan bahawa pelajar IPT di Semenanjung Malaysia mempunyai kemahiran komunikasi yang cemerlang untuk berinteraksi dengan orang di sekeliling mahupun di hadapan audien

dalam pembentangan formal. Selain itu, pelajar IPT juga mampu berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris mahupun Bahasa Melayu. Dapatkan ini adalah satu penemuan yang memberangsangkan dan begitu positif untuk diketengahkan memandangkan sebelum ini kajian Isarji et al. (2008) dan Morshidi et al. (2008) melaporkan bahawa graduan di Malaysia dibelenggu masalah kurang kompetensi komunikasi, terutamanya dalam Bahasa Inggeris.

JADUAL 10. Konstruk Pengurusan Komunikasi

Item	Pernyataan	Min	Sp
45	Saya mampu mengendalikan sesi soal jawab dengan baik semasa pembentangan formal	3.56	0.93
46	Saya mampu membuatkan orang lain berasa selesa bercakap dengan saya	3.77	0.89
47	Saya boleh berkomunikasi secara efektif dalam Bahasa Melayu	3.90	0.96
48	Saya boleh berkomunikasi secara efektif dalam Bahasa Inggeris	3.64	0.92
49	Saya mampu membuat pembentangan tugas dengan yakin di hadapan kumpulan lain	3.63	0.89

Jadual 11 merupakan item-item yang terdapat dalam dimensi pengurusan kewangan. Skor min yang dicatatkan oleh item pengurusan kewangan adalah di antara 3.15 hingga 3.40. Ketiga-tiga item dalam dimensi pengurusan kewangan menunjukkan skor min di tahap sederhana tinggi. Hal ini membuktikan bahawa pelajar IPT di Semenanjung Malaysia mempunyai kemahiran yang baik dalam menguruskan kewangan seperti perkara yang berkaitan dengan pernyata kewangan, rekod perbelanjaan dan sentiasa bekerja berpandukan garis panduan kewangan yang betul. Dapatkan ini selari dengan kajian Hariyaty (2014) yang mendapati bahawa pelajar IPT yang aktif dalam program keusahawanan sosial memiliki kebolehan memahami

laporan kewangan supaya tidak mudah diperdaya oleh orang lain kerana ia adalah salah satu daripada komponen daya saing yang kritikal dan penting dimiliki.

Jadual 12 merupakan item-item yang terdapat dalam dimensi kebolehkerjaan. Skor min yang dicatatkan oleh item dimensi kebolehkerjaan adalah di antara 3.48 hingga 3.85. Hal ini menunjukkan semua item dalam dimensi ini berada di tahap sederhana tinggi. Oleh itu, secara keseluruhannya dapatkan ini membuktikan bahawa pelajar IPT di Semenanjung Malaysia mempunyai tingkah laku kebolehkerjaan yang tinggi seperti sanggup bekerja seorang diri dan bersungguh-sungguh dalam melakukan kerja demi mencapai matlamat, sentiasa menerima teguran rakan

JADUAL 11. Konstruk pengurusan kewangan

Item	Pernyataan	Min	Sp
50	Saya faham tentang pernyataan kewangan (belanjawan / akaun tunai)	3.40	1.05
51	Saya merekodkan setiap belanjawan kewangan dengan tepat dan lengkap	3.15	1.13
52	Saya bekerja dengan baik berlandaskan garis panduan kewangan yang sedia ada	3.33	1.07

JADUAL 12. Konstruk kebolehkerjaan

Item	Pernyataan	Min	Sp
71	Saya sanggup bekerja seorang diri untuk mencapai matlamat	3.61	1.07
72	Saya bekerja bersungguh-sungguh berbanding dengan rakan sepasukan	3.48	0.99
73	Saya mengambil kira komen orang lain untuk meningkatkan kompetensi diri	3.85	0.87
74	Saya kerap menyempurnakan tugas yang sukar walaupun saya tidak yakin saya boleh menyelesaikannya seorang diri	3.70	0.91

sekerja bagi meningkatkan kompetensi diri dan sanggup memikul tugas yang sukar dan mencabar walaupun kurang keyakinan untuk menyelesaikannya seorang diri. Kajian ini turut memperteguh lagi pandangan Morse dan Dudley (2002), Slocum et al. (2008) serta Nurul (2010) yang menegaskan bahawa dalam kehidupan, seseorang itu perlu bekerjasama secara erat dengan orang dan juga organisasi/institusi lain untuk mencapai matlamat dan ini dapat direalisasikan dengan pendedahan mencukupi dalam sesuatu program atau kursus yang melibatkan budaya kepimpinan kolaboratif dan kerja pasukan (Hariyaty 2014). Keadaan ini mampu membawa peringkat peningkatan diri untuk lebih berdaya saing (Mariam et al. 2009; Nurul 2010; Noor Faizah et al. (2010) serta dapat direalisasikan menerusi program pendidikan yang berkualiti secara berterusan.

### KESIMPULAN

Secara keseluruhan, hasil kajian ini mendapat bahawa tahap daya saing pelajar IPT di Semenanjung Malaysia berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatkan ini membuktikan bahawa daya saing pelajar IPT adalah pada tahap yang boleh dibanggakan, namun masih perlu digilap hingga mampu mencapai tahap tinggi bagi memenuhi hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi yang lebih berdaya saing. Hal ini adalah kerana pendidikan diakui dapat menggalakkan dan mengubah pembentukan tingkah laku atau meningkatkan prestasi sesuatu usaha teroka seperti memupuk sikap berdaya saing dalam diri pelajar.

Berdasarkan kedudukan indeks daya saing global, negara Malaysia mencatatkan kedudukan pada tangga ke-24 teratas (Schwab 2013) dalam dunia dan ini juga membuktikan bahawa indeks daya saing pelajar Malaysia tidak kurang hebatnya dengan negara-negara maju yang lain serta mungkin mampu mengatasi negara-negara tersebut di masa hadapan. Namun begitu, prestasi ini harus dikekalkan dan ditingkatkan dari masa ke semasa, terutamanya kepada generasi muda yang bakal mewarisi kepimpinan negara selaras dengan saranan Perdana Menteri

Malaysia yang mensasarkan negara agar menduduki tangga 10 teratas dalam indeks daya saing global menjelang tahun 2020 (World Bank 2007).

Justeru, elemen daya saing perlu dibina dalam diri pelajar pada peringkat awal lagi seperti di peringkat pengajian tinggi kerana pendidikan di universiti diyakini mampu menyuntik sikap daya saing dalam diri pelajar, terutamanya dalam subjek-subjek tertentu seperti keusahawanan dan menerusi aktiviti-aktiviti pembelajaran yang menerapkan elemen persaingan.

### RUJUKAN

- ABN News. <http://news.abnecess.com/bm/2013/11/sektor-keusahawanan-pendorong-daya-saing-malaysia/> (28 November 2013).
- Al-Dosary, A.S., Rahman, S. M. & Aina, Y. A. 2006. Communicative planning approach to control graduate unemployment in Saudi Arabia. *Human Resource Development International* 9(3): 392-414.
- Alias Baba. 1997. *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahaya & Faizah Idris. 2004. *Tingkah laku agresif*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar & Lee Kuan Yee. 2012. Faktor kritikal kejayaan usahawan dalam perniagaan. *Journal of Social Sciences and Humanities* 7(1): 34-45.
- Chua Yan Piaw. 2011. *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Garavalia, L. S. & Gredler, M. E. 2002. An exploratory study of academic goal setting, achievement calibration and self-regulated learning. *Journal of Instructional Psychology* 29(4): 221-231.
- Hariyaty Ab Wahid. 2014. Keusahawanan sosial, daya tahan dan daya saing pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hariyaty Ab Wahid, Norasmah Othman, Noor Lela Ahmad & Norsamsinar Samsudin. 2014. Ciri-ciri peribadi khusus usahawan sosial dan daya tahan dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia. *Proceedings of International Conference*

- on Social Entrepreneurship (ICSE 2014)*, Awana Resort World Genting, Genting Highlands, Pahang. 7-9 November 2014.
- Houston, J.M., McIntire, S.A., Kinnie, J. & Terry, C. 2002. A factorial analysis of scales measuring competitiveness. *Educational and Psychological Measurement* 62(2): 284-298.
- Isarji Sarudin, Ainol Madziah Zubairi, Mohamed Sahari Nordin & Mohd Azmi Omar. 2008. The English proficiency of Malaysian Public University students. Dlm. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (pnyt.). *Enhancing the quality of higher education through research: Shaping future policy*, 40-65. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Ismail Ab. Wahab, Zarina Salleh & Siti Zahrah Buyong. 2008. *Budaya keusahawanan: Panduan memulakan perniagaan*. Shah Alam: Arah Publications.
- Kamus Dewan*. 2002. Edisi Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2004. *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkau 2020*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2011. *Kajian Pengesanan Graduan. Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia*. [http://www.mohe.gov.my/web\\_statistik/statistik2010/BAB7\\_KAJIAN\\_PENGESANAN\\_GRADUAN.pdf](http://www.mohe.gov.my/web_statistik/statistik2010/BAB7_KAJIAN_PENGESANAN_GRADUAN.pdf) [19 Mei 2011].
- Lutfihak Alpkan, Cagri Bulut, Gurhan Gunday, Gunduz Ulusoy & Kemal Kilic. 2010. Organizational support for entrepreneurship and its interaction with human capital to enhance innovative performance. *Journal of Management History* 48(5): 732-755.
- Ming, Y.C., Wai, S.C. & Amir Mahmood. 2009. The effectiveness of entrepreneurship education in Malaysia. *Education + Training* 51(7): 555-566.
- Mohd Khata Jabor & Ahmad Firdaus Abd Hadi. 2012. Kecenderungan pelajar tahun akhir di Institut Kemahiran Mara terhadap bidang keusahawanan. *Journal of Educational Management* 5: 16-33.
- Morshidi Sirat, Ambigapathy, P., Balakrishnan, M., Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Harshita Aini Haroon, Hazita Azman, Muhammad Kamarul Kabilan & Ratna Roshida Abdul Razak. 2008. The university curriculum and the employment of graduates. Dlm. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (pnyt.). *Enhancing the quality of higher education through research: Shaping future policy* 136-159. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- My News Online. <http://my.news.yahoo.com/najib-mahu-malaysia-antara-10-negara-terbaik-dalam-152554032.html> (14 Mac 2014).
- Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Norasmah Othman. 2002. Keberkesanan Program Usahawan Muda di sekolah menengah. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Rodiah Idris. 2010. Pemeriksaan kefungsian item dan pembentukan penanda aras pentaksiran kemahiran generik. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohana Abdul Rahim. 2010. Minat kerjaya, efikasi kendiri keputusan kerjaya, kemahiran employability, dan pilihan kerjaya pelajar vokasional pertanian di Semenanjung Malaysia. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Schwab, K. 2013. *The global competitiveness report 2013-2014: Full data edition*. Switzerland: World Economic Forum.
- Sekaran, U. 1992. *Research methods for business: A skill building approach*. 2<sup>nd</sup>. Ed. Toronto: John Wiley & Sons.
- Sinar Harian Online. <http://www.sinarharian.com.my/seatingkat-daya-saing-negara-1.129283> (18 Februari 2014).
- Siti Zaleha Omain, Ahmad Jusoh, Low Hock Eng, Norliza Mohd Salleh & Shafudin Mohd Yatim. 2007. Penentuan kemahiran yang bersesuaian untuk pelajar sarjana muda Pengurusan Teknologi. *Laporan Projek Penyelidikan VOT75101*. Research Management Center, UTM.
- Thomas W.Y. Man, Theresa Lau & Chan, K.F. 2002. The Competitiveness of SMEs: A conceptualisation with focus on entrepreneurial competencies. *Journal of Business Venturing* 123-42.
- Utusan Online. [http://www.utusan.com.my/utusan/Timur/20130522/wt\\_02/Perhebatkan-daya-saing-graduan](http://www.utusan.com.my/utusan/Timur/20130522/wt_02/Perhebatkan-daya-saing-graduan) (11 Ogos 2014).
- Wan Hartini Wan Hassan, Zaliha Hussin & Zaihan Abd Latip. 2003. *Sikap daya saing siswa siswi di UiTM Kampus Alor Gajah dalam kecemerlangan akademik*. Biro Penyelidikan dan Perundingan. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- World Bank. 2007. Malaysia and the knowledge economy: Building a world-class higher education system. [Rujukan dalam talian pada 5 Julai 2014: <http://web.worldbank.org>]

Norasmah Othman\* & Khairul Khairyah Khasbullah  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia

Hariyaty Ab Wahid  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Perak Darul Ridzuan  
Malaysia

\*Pengarang untuk surat-menjurut; email: lin@ukm.edu.my

Diserahkan: 5 Januari 2015  
Diterima: 23 Julai 2015

